



## KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<a href="#"><u>Yeo Bee Yin Aims to Fit all Roofs in M'sia With Solar Panels to Save 20% More Energy by 2030</u></a>	World of Buzz	Klik pada tajuk berita
2.	<a href="#"><u>SMEs urged to participate in NEM programme</u></a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
3.	<a href="#"><u>TNB tubuh pasukan khas tangani aduan meter pintar</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<a href="#"><u>Siasat kandang babi, katak haram</u></a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
5.	<a href="#"><u>Kerajaan negeri siasat penternakan babi, katak secara haram</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
6.	<a href="#"><u>TNB allocates up to rm9.5b capex for fy19</u></a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
7.	<a href="#"><u>Penapis air keluarkan sisa kuprum</u></a>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
8.	<a href="#"><u>Bringing back the fireflies</u></a>	New Straits Times	Rujuk lampiran 2

### TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
9.	<a href="#"><u>Jawatankuasa khas siasat kawasan ternakan babi haram di PD</u></a>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<a href="#"><u>Aktiviti ternak babi secara haram</u></a>	Utusan Malaysia	Klik pada

	<a href="#"><u>dikesan di Port Dickson</u></a>		tajuk berita
11.	<a href="#"><u>TNB Terengganu sedia tampung peningkatan bekalan elektrik</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
12.	<a href="#"><u>Aidilfitri: TNB jamin bekalan cukup</u></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
13.	<a href="#"><u>Inovasi: Penyelidik UPM hasil penapis air singkir kuprum</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
14.	<a href="#"><u>Institusi keluarga berperanan tangani perubahan iklim - Dr Wan Azizah</u></a>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
15.	<a href="#"><u>Institusi keluarga berperanan tangani perubahan iklim – Wan Azizah</u></a>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
17.	<a href="#"><u>Keluarga bantu tangani perubahan iklim</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
18.	<a href="#"><u>Red alert on dangers of microplastics</u></a>	The Star	Klik pada tajuk berita
19.	<a href="#"><u>TNB jamin bekalan elektrik cukup sepanjang Aidilfitri</u></a>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 3
20.	<a href="#"><u>TNB tubuh pasukan khas tangani aduan meter pintar</u></a>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
21.	<a href="#"><u>Didik diri peka alam sekitar</u></a>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
22.	<a href="#"><u>Solar way for electricity</u></a>	The Star	Rujuk lampiran 6
23.	<a href="#"><u>Diugut halang pembuangan sampah haram</u></a>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7
24.	<a href="#"><u>Langkah laksana penuh Kerangka Kerja Sendai</u></a>	Berita Harian	Rujuk lampiran 8



## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
25.	<a href="#"><u>Explorer finds plastic waste in record-setting sea dive</u></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Pencemaran plastik di laut ancam bakteria hasilkan gas oksigen</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 9

LAMPIRAN 1  
BERITA HARIAN (INOVASI): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

## Penapis air keluarkan sisa kuprum

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]

**Serdang:** Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan inovasi penapis air dwifungsi yang berupaya mengeluarkan logam berat atau kuprum dalam air minuman.

Sistem penapis air dikenali *Outdoor water filter with smart Beads* juga berfungsi memantau jumlah logam berat dalam air secara berterusan untuk mengesan pencemaran kimia.

Pensyarah Institut Teknologi Maju (ITMA) UPM, Prof Madya Dr Janet Lim Hong Ngee, yang juga Ketua Penyelidik produk itu berkata, inovasi itu adalah penyelesaian kepada kebimbangan terhadap masalah kesihatan berikutan kandungan kuprum berlebihan dalam badan.

Katanya, ion kuprum yang berlebihan dalam badan boleh menjejaskan kesihatan manusia dan punca pelbagai penyakit seperti Alzheimer dan gangguan keradangan pada manusia.

Beliau berkata, walaupun kuprum adalah unsur kimia penting dalam alam sekitar dan tubuh ma-

nusia kerana membentuk sel darah merah dan memelihara sel saraf dan imun sihat, namun ia tidak boleh berlebihan, dalam tubuh.

"Inovasi ini dibuat selepas menyedari kebimbangan awam terhadap tahap kesihatan mereka berikutan kegagalan memenuhi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terhadap paras selamat kandungan ion kuprum dalam air minuman.

### Pelbagai manfaat kepada pengguna

"Inovasi penapisan air dwifungsi ini menunjukkan hasil positif dan memberi pelbagai manfaat kepada pengguna, khususnya menghadapi dilema pencemaran air minuman," katanya pada sidang media di Putra Science Park UPM, di sini, semalam.

Seorang lagi penyelidik terbahit dalam inovasi dibiayai Kementerian Pendidikan itu ialah, Dr Izwaharyanie Ibrahim.

Janet berkata, inovasi produk itu mencakupi penapisan dan penen-

tuhan ion kuprum dalam air minuman boleh dilakukan dengan hanya menggunakan sistem penapisan air, penghasilan mudah dan kos berpatutan serta dapat mengesan kadar toksid dalam air.

Katanya, alat dwifungsi mengaplikasi teknologi nano *Versatile Graphene* dilihat sangat bermanfaat kepada pengguna menerusi pendekatan mudah, ekonomik dan mesra alam.

Beliau berkata, penciptaan inovasi menggunakan percetakan 3D dalam fabrikasi peranti mampu menjadi penanda aras untuk generasi seni bina tenaga pada masa depan.

"Produk ini memenangi Anugerah Usahawan Penyelidik terkemuka di bawah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2018 pada Pameran dan Persidangan Produk Antarabangsa dan Persidangan Greentech & Eco Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2018.

"Inovasi ini juga memenangi Anugerah Khas pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2019," katanya.



**Hong Ngee dan Izwaharyanie menunjukkan penapis air dwifungsi yang dapat mengeluarkan logam berat dalam air minuman.**

LAMPIRAN 2  
 NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 9  
 TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

# Bringing back the fireflies

T.N. ALAGESH  
**KEMAMAN**  
 news@nst.com.my

**T**ENAGA Nasional Berhad (TNB) has thrown its support behind efforts to revive the declining population of fireflies at the once popular Yak Yah Firefly Sanctuary near Kampung Iboke here.

A flood mitigation project several years ago to straighten Sungai Yak Yah, saw the mangrove apple (berembang) trees that serves as an important source of food and habitat for the fireflies being damaged and swept away by sea water.

TNB is helping to boost the Yak Yah Firefly Sanctuary so that it regains its popularity to lure tourists and help uplift the livelihood of villagers.

A one-day Community and Environment Sustainability Programme held at Kampung Yak Yah last Wednesday saw participants planting berembang trees, participating in gotong-royong to clean up Sungai Cukai, building a berembang seedling site and releasing fish fry into the river.

Terengganu Department of Environment director Ramli Abdul Rah-

man praised TNB's efforts saying the move will certainly provide a positive impact to the environment, ensure sustainability for the future and help the state's tourism sector grow.

He said a collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) to conduct studies on the fireflies along with TNB's presence will help to conserve the firefly population and its habitat.

TNB Research Sdn Bhd chief strategy officer Dr Mohd Fadzil Mohd Siam said the company hopes to emulate the success story of Kampung Kuantan in Kuala Selangor which is well known for its fireflies.

He said there are plans to bring some villagers from Kampung Yak Yah to Kampung Kuantan so that they can see and understand better the efforts done by TNB to help improve the socio-economic development of the area.

There were plans to provide a package tour to tourists, as there were many attractions nearby, including the Kemaman Mini Zoo.

There are certainly a lot of opportunities to explore in this village and now TNB has started the ball rolling. I hope once the firefly population

grows, the villagers here will take the opportunity to venture into business including homestays and providing traditional snacks.

"Several youth movements have shown support towards TNB's efforts so we believe that they will continue the good effort to ensure the fireflies will become a main attraction. Boat operators can also bring tourists fishing and visitors will have more choices in terms of activities and places to visit when they come here," he said.

As part of the company's corporate social responsibility (CSR) programme, they had also repaired and repainted a community hall in the village and provided assistance to the needy families.

Meanwhile, TNB researcher Aisah Md Shukur said based on the information gathered from the villagers, Kampung Yak Yah was once popular with fireflies but following efforts to straighten the river had resulted in sea water entering the area during high tide, which affected the mangrove forests.

"Now there is a drop in the fireflies population so we hope that following efforts to replant the berembang,

Participants also released fish fry into the river during the launch of the programme.



Terengganu Department of Environment director Ramli Abdul Rahman (centre) with TNB Research Sdn Bhd chief strategy officer Dr Mohd Fadzil Mohd Siam (second from left) and Kemaman assemblyman Che Alias Hamid (right) planting the berembang trees during the launch of the Community and Environment Sustainability Programme.

jejawi (Malayan banyan), pong pong (Cerbera odollam), nipah and putat trees today more fireflies will return and occupy the area.

Kampung Yak Yah Village Community Management Council (MPKK) chairman Yusof Mamat, 60, lauded TNB and hoped to see the return of the village to its glory days when it used to

receive visitors from Europe and Japan to see the fireflies.

"The villagers are prepared to join this mission to revive the fireflies population and it will also help the people here to generate some income," he said.

"We are grateful to TNB along with UKM who have brought their students here to help with the tree replanting activities. It is good that they are studying which trees are suitable for planting along the river to help attract the fireflies," said villager Hashim Abdullah, 50.

UKM student Farzana Azli, 22, said Kemaman was her third stop after having previously joined TNB's programme to plant berembang trees in Kampung Sungai Timun, Rembau, Negri Sembilan and Kampung Dew in Taiping, Perak.

The final-year Degree in Biology undergraduate said it was a good move by TNB to expose students from higher learning institutions on the environment and joining in efforts to preserve fireflies.

Advanced Technology Training Centre (Adtec) Kemaman student Nor Amirul Arif Johari, 24, said he and his friends were taught on the importance to preserve the fireflies and how vital the berembang trees were for the survival of the insects.


**“This is a good move to expose students from higher learning institutions on the environment.”**

FARZANA AZIL



**“We at Adtec are honoured to be chosen to be part of this programme.”**

NOR AMIRUL ARIF JOHARI




**“There are many attractions nearby here and including the fireflies would allow more tourists to plan their visit here.”**

YUSOF MAMAT



**“With assistance from TNB, I believe we will be able to ensure the survival of the fireflies.”**

HASHIM ABDULLAH



**LAMPIRAN 3**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)**

## TNB jamin bekalan elektrik cukup sepanjang Aidilfitri

**KUALA TERENGGANU** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) Terengganu memberi jaminan bekalan elektrik mencukupi untuk kegunaan sepanjang musim Aidilfitri di negeri tersebut biarpun penggunaannya dijangka bertambah 30 peratus berbanding hari biasa.

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Terengganu, Mohd. Nazri Puteh berkata, jaminan tersebut dapat diberikan memandangkan kapasiti bekalan elektrik di negeri itu masih melebihi daripada penggunaan.

"Ketika ini, proses pemeriksaan dan penyelenggaraan giat dilakukan di semua stesen untuk memastikan sistem bekalan elektrik dalam keadaan bersedia

untuk menampung peningkatan beban elektrik berikutan kepulauan ribuan anak perantau ke Terengganu sepanjang Aidilfitri nanti.

"TNB Terengganu juga akan memastikan semua anggota kerja dan segala keperluan genset berada dalam keadaan bersedia untuk meminimalkan gangguan bekalan elektrik seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis berbuka puasa TNB bersama warga media Terengganu yang turut dihadiri Timbalan Presiden Kelab Wartawan Media Terengganu (KAWAT), Ahmad Syafri Husnaini Mohamad di sini kelmarin. - Bernama

**LAMPIRAN 4**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)**

## TNB tubuh pasukan khas tangani aduan meter pintar

**MELAKA 15 Mei** - Satu pasukan khas telah ditubuhkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi membantu menangani aduan daripada pengguna mengenai meter pintar di negeri ini.

TNB dalam satu kenyataan menjelaskan, pasukan khas itu akan memperinci dan memberi penjelasan secara bersemuka kepada pengguna termasuk berkaitan ketepatan bacaan meter tersebut bagi menyelesaikan aduan diterima.

Menurut kenyataan itu, pengguna meter pintar yang mempunyai sebarang aduan tidak perlu bimbang kerana TNB bersedia memberikan maklumat dan penyelesaian.

“Penyelesaian itu termasuk mengkreditkan semula

lebih bayaran ke dalam bil pengguna jika didapati terdapat lebih caj berlaku,” jelas kenyataan itu, hari ini.

Tambah kenyataan tersebut, aduan yang diterima dan diselesaikan termasuk masalah ketepatan meter pintar yang menyebabkan bil meningkat selepas pemasangan.

“Semakan TNB mendapati meter yang dipasang adalah tepat namun sebahagian kecil aduan berpunca daripada kesilapan manusia semasa pemasangan meter.

“Tidak dinafikan sebilangan kecil aduan berpunca dari faktor kesilapan manusia semasa pemasangan meter termasuk berlakunya usikan pada meter lama,” jelas kenyataan itu lagi.

**LAMPIRAN 5**  
**BERITA HARIAN (SURAT PEMBACA): MUKA SURAT 85**  
**TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)**

## Didik diri peka alam sekitar

**Merujuk** artikel *Berita Harian Online* bertajuk *Serius Kuat Kuasa Larangan Penggunaan Straw* yang disiarkan pada 14 Oktober tahun lalu, berhubung larangan penggunaan penyedut minuman plastik oleh Kementerian Wilayah.

Penguatkuasaan larangan itu akan bermula 1 Januari 2020 dan ia harus disambut baik semua rakyat.

Bayangkan keadaan hidupan laut yang semakin terancam akibat perbuatan manusia yang sewenang-wenangnya melakukan pencemaran.

Justeru, inisiatif ini dilihat sangat bagus bagi membantu rakyat Malaysia untuk lebih peka mengenai kelestarian alam sekitar.

Gaya hidup memperlihatkan rakyat Malaysia hari ini seperti sangat bergantung kepada plastik, contohnya seperti penggunaan beg plastik ketika membeli-belah dan penggunaan penyedut minuman plastik ketika makan di premis kedai makan.

### **Isu sangat membimbangkan**

Ia sangat membimbangkan walaupun pelbagai kempen berkaitan kesedaran alam sekitar dijalankan banyak pihak.

Sehubungan itu, rakyat Malaysia perlu membuka mata dan menjadikan penguatkuasaan ini sebagai satu peluang untuk mendidik dan melatih diri supaya lebih sensitif dan peka mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, terutamanya pencemaran laut dan sampah.

Kesedaran itu perlu dipupuk dan dididik dalam diri anak-anak kecil supaya mereka lebih sayang dan mengambil berat tentang kebersihan alam sekitar. Bayangkan hidupan liar dan laut yang semakin pupus dek tangan manusia yang rakus melakukan pencemaran.

Diharap penguatkuasaan yang bakal dikenakan ini, mampu mengubah gaya hidup masyarakat Malaysia menjadi lebih prihatin mengenai penjagaan alam sekitar, secara tidak langsung menyokong kempen sayangi alam sekitar yang diadakan.

**Siti Nur Zulaiqha Azhar,**  
Shah Alam

LAMPIRAN 6  
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 21  
TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

# Solar way for electricity

LAST year, I installed a solar system under the net energy metering (NEM) scheme approved by the Sustainable Energy Development Authority (Seda). NEM is a mechanism which allows electricity consumers in Peninsular Malaysia and Sabah to sell excess electricity generated from their solar photovoltaic (PV) systems back to the grid.

I let the contractor do the entire justification and costing. Later, I found out that it was not really NEM because the energy buying rate from Tenaga Nasional Bhd (more than 50 sen/unit) was higher than the selling rate (31 sen/unit). Fortunately, the real NEM was implemented in January 2019 with identical buying and selling rates.

I also found out that some assumptions made by the contractor were not justifiable. He was trying to make the project look good by making the return-on-investment (ROI) period shorter. I was not happy with this and started to learn about the practical side of the system myself. I learnt that I had paid the contractor more than necessary and that ROI could be even shorter.

The system is actually quite simple and DIY (Do-It-Yourself) is possible for people who know basic electrical wiring. Normal electrical contractors can be engaged if they don't.

With NEM, solar energy is gener-



ated for immediate use and also for export to TNB during the day. At night, energy is imported back. Any excess usage will be charged by TNB based on the normal tariff.

The issue is why must we use registered contractors who may impose exorbitant charges? I am sure there are many reasonable contractors out there, but why should we go through the lengthy process and wait for many months to get one?

I would like to propose to the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (Mestecc) that NEM

should be at the users' option when they subscribe to TNB for electricity supply even if they may need to pay extra for meters that have energy import and export readings. Furthermore, solar energy generation from a house would not exceed its normal monthly electricity consumption. So, instead of submitting a special application for NEM, a simple registration should be adequate.

We should encourage more house owners to install solar systems. For typical households with electricity bills of RM400 per month, their daily usage is around

30 units (kWh). By installing a 3kW solar system, they can save more than RM150 per month. If they install a 5kW solar system, the saving is more than RM250 per month.

Over 10 years, the total saving is RM18,000 and RM30,000 respectively. ROI is within six years.

Instead of giving a discount, housing developers could bundle a solar system with the house they sell. It should be noted that solar panels will last at least 25 years, during which electronic equipment (controller and inverter) may have to be replaced.

A 5kW system requires about 30 sq m of roof space, which is less than half of a typical link house. If there are one million houses using the 5kW system, the total daily generated solar energy is around 16.5GWh, which is about a quarter of the daily energy generated by TNB (excluding independent power producers/ based on 2016 report).

This is a completely green energy, hence there would be a significant reduction of CO2 generation in the country.

I am sure there will be challenges for TNB if free-for-all-NEM is implemented, but I am confident that these can be addressed.

**DR MOHAMED AWANG LAH**  
Fellow  
Academy of Science Malaysia  
Kuala Lumpur

## LAMPIRAN 7 SINAR HARIAN (KLANG): MUKA SURAT 24 TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

### Diugut halang pembuangan sampah haram

KLANG - Seorang pemilik dan pengurus sebuah syarikat berada dalam ketakutan selepas menerima pelbagai ugutan kerana menghalang tanah yang disewa di Jalan Selat Selatan 20, Pandamaran, di sini diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Lebih membimbangkan, mereka turut diugut anak-anak akan dilanggar.

Pengurus terbabit Kim Keow, 66, berkata, kejadian itu bermula selepas pihaknya mendapati terdapat aktiviti pembuangan sampah di tapak sewaan syarikatnya sejak April tahun lalu.

Menurut Kim Keow, beliau dan pemilik syarikat itu, Tee Mei Ling, 41, sudah membuat aduan kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (JKPTG),



Kim Keow (tengah) menunjukkan laporan polis serta gambar kenderaan yang disimbah cat pada sidang media semalam.

Majlis Perbandaran Klang (MPK), kerajaan negeri, wakil rakyat dan polis.

"Walaupun kami sudah membuat pelbagai aduan namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil sebaliknya kami diugut termasuk cuba cederakan anak-anak.

"Kami juga disimbah dengan air ketika cuba menghalang lori sampah masuk ke kawasan tanah

sewa itu pada 9 Mei lalu," katanya," katanya kepada pemberita pada sidang media semalam.

Turut hadir, aktivis masyarakat Pasukan Tindakan Suara Rakyat, Peter Tan.

Beliau memberitahu menerima ugutan selepas selesai mesyuarat di pejabat ADUN Pelabuhan Klang pada 13 Mei yang mahu melanggar anak-anak mereka selain disimbah cat



Tanah seluas 6.4 hektar yang disewa di Pandamaran kini dipenuhi sampah domestik kira-kira 5,000 tan.

merah ketika dalam perjalanan pulang.

Kim Keow berkata, tanah seluas 6.4 hektar disewa selama tiga tahun sejak 2015 pada kadar RM600 untuk tujuan ternakan lembu, kambing, itik dan ikan.

"Bagaimanapun ketika tempoh sewaan hampir tamat pada April lalu terdapat sekumpulan individu membuang sampah di ka-

wasan itu dengan menggunakan lori.

"Saya tetap meneruskan permohonan menyambung sewaan dan diluluskan namun pada harga RM31,000.

"Saya kini dalam proses memohon pengurangan tetapi mereka tetap membuang sampah domestik yang dianggarkan sebanyak 5,000 tan," katanya.

Tambahnya, pembu-

angan sampah haram ini menyebabkan bau dan pencemaran alam sekitar.

"Kami berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan segera supaya masalah ini tidak menjadi lebih serius," katanya.

Sementara itu, ADUN Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri ketika dihubungi berkata, pihak berkaitan ini sedang dalam proses mengambil tindakan berkaitan isu pembuangan sampah haram.

Bagaimanapun katanya, buat masa ini pihaknya tidak boleh mengulas lanjut berhubung perkara tersebut.

"Memang kita ada terima aduan berhubung masalah berkenaan tetapi ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian melalui undang-undang," katanya.

LAMPIRAN 8  
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 7  
TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

# Langkah laksana penuh Kerangka Kerja Sendai

➔ Malaysia galak pengurangan risiko bencana setiap peringkat: Dr Wan Azizah

Geneva

Malaysia akan terus menyumbang dan menggalakkan pengurangan risiko bencana (DRR) pada semua peringkat (dalam negara, serantau dan antarabangsa), ke arah pelaksanaan sepenuhnya Kerangka Kerja Sendai, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia juga mempercepatkan tempo perubahan dalam DRR dengan menyokong pembangunan Strategi DRR Tempatan dan meningkatkan pembabatan serta penyertaan pemain tempatan dalam agenda dan program nasional

mengenai DRR.

"Kami juga meningkatkan kesedaran dan penggunaan Platform Nasional untuk DRR, sebagai forum perkongsian strategik, koordinasi dan perkongsian amalan baik.

"Selain itu, usaha sudah dijalankan untuk membangun dan memperbaiki pemetaan bahaya dan risiko, memperbaiki instrumen perancangan ruang seperti pembangunan garis panduan indeks bencana bandar dan menguatkuasakan kod bangunan tahan gempa," katanya dalam pernyataan negara pada sesi pleno Platform Global bagi Pengurangan Risiko Bencana (GPDRR) di sini, semalam.

## Kurangkan risiko bencana

Kerangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 adalah perjanjian global, sukarela dan tidak terikat yang diterima pakai pada Persidangan Dunia Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) untuk Pengurangan Risiko Bencana kali ketiga dan disahkan oleh Perhimpunan Agung PBB me-



Dr Wan Azizah mengadakan pertemuan dua hala dengan Mohamed Jusuf Kalla di Geneva, semalam.

lalui Resolusi 69/283.

Kerangka Kerja Sendai mengiktiraf negara mempunyai peranan utama untuk mengurangkan risiko bencana tetapi tanggungjawab itu harus dikongsi dengan pihak berkepentingan lain termasuk kerajaan tempatan, sektor swasta dan lain-lain.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah antara tiga negara pertama yang melengkapkan pelaporan Pemantauan Kerangka Kerja Sendai.

Dr Wan Azizah berkata, Malaysia juga menggalakkan peranan sains dan teknologi dalam menyokong keputusan dasar berkaitan risiko dan meneroka tanggungjawab bersama dalam DRR, seperti perkongsian awam-swasta dan mewujudkan mekanisme pemindahan risiko.

Pada masa sama, kerajaan meningkatkan keupayaan pengurusan risiko bencana dalam pengurangan sumber, rangkaian komunikasi, sistem amaran, teknik ramalan dan pembinaan kapasiti, kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia mengalu-alukan penganjurannya sesi keenam GPDRR di Geneva yang tepat pada masanya berikutan banyak cabaran baharu yang muncul dalam bidang pengurangan risiko bencana.

"Kami mengalu-alukan peluang ini untuk berkongsi, belajar dan berbincang pada GPDRR yang bertemakan *Resilience Dividend: Towards Sustainable and Inclusive Societies* dalam apa yang kita anggap sebagai contoh dialog positif antara semua pihak berkepentingan dan berkongsi amalan ter-

baik dalam DRR," katanya.

## Pertemuan dua hala

Terdahulu, Dr Wan Azizah mengadakan pertemuan dua hala dengan Naib Presiden Indonesia, Mohamed Jusuf Kalla bagi membincangkan perkara kepentingan bersama antara Malaysia-Indonesia.


Pertemuan selama 30 minit di hotel penginapan mereka di sini, antara lain membincangkan langkah meningkatkan hubungan baik dan kerjasama sedia terjalin antara kedua-dua negara.

Yang turut sama pada pertemuan itu, Wakil Tetap Malaysia ke Pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu di Geneva, Datuk Amran Mohamed Zin dan rakan sejawatnya dari Indonesia, Hasan Kleib.

BERNAMA

LAMPIRAN 9  
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41  
TARIKH: 16 MEI 2019 (KHAMIS)

## Pencemaran plastik di lautancam bakteria hasilkan gas oksigen



CHISHOLM LAB

IMEJ salah satu bakteria marin yang membantu menghasilkan gas oksigen.



KEVIN KREJCI

PLASTIK dan sampah yang dibuang manusia mencemari ekosistem air laut.

**SYDNEY** – Pencemaran plastik di kawasan laut mengancam sejenis bakteria marin yang terlibat dalam proses penghasilan gas oksigen, lapor akhbar *Daily Mail*.

Bakteria *Prochlorococcus* mampu menghasilkan sebanyak 10 peratus gas oksigen untuk keperluan dunia menerusi kaedah fotosintesis, demikian menurut satu laporan dalam jurnal *Communications Biology*.

Saintis daripada Universiti Macquarie di New South Wales, Australia menjalankan ujian makmal dengan menempatkan bakteria itu di dalam dua bekas berbeza, masing-masing mengandungi cebisan beg plastik dan bahan klorida polivinil (PVC).

Hasil ujian selama lima hari itu mendapati bahan plastik yang larut dalam air laut

menjejaskan corak pertumbuhan dan memberi tekanan kepada bakteria *Prochlorococcus*.

PVC mempunyai kesan paling buruk iaitu menghentikan proses penghasilan oksigen oleh bakteria dalam tempoh 24 jam. Bahan kimia daripada beg plastik pula mengurangkan penghasilan oksigen selepas tempoh 24 jam.

Dr. Lisa Moore, ketua penyelidik bersama kajian daripada universiti itu menyatakan: "Mikroorganisma kecil ini amat penting dalam rantaian makanan hidupan marin, memainkan peranan penting menukar karbon kepada oksigen untuk keperluan dunia.

"Bagaimanapun, tidak banyak diketahui mengenai bagaimana bakteria seperti ini bertindak balas terhadap pencemaran oleh manusia." – Agensi